

Mangsa jatuh dari motosikal selepas ditumbuk dan motosikal ditendang suspek

Nenek ditumbuk, ditendang peragut

Kosmo 12/7/2011 Ms 8.

Oleh ADHAM SHADAN
adham.shadan@kosmo.com.my

KOTA BHARU - Kegembiraan seorang wanita yang baru seminggu bergelar nenek untuk melawat anak dan cucunya bertukar malang apabila dia cedera parah selepas terjatuh ditendang peragut yang meragut beg tangannya ketika menunggang motosikal di Lundang di sini kelmarin.

Akibat kejadian itu, pembantu taman asuhan kanak-kanak (Taska), Che Rahimah Dollah, 44, yang dalam perjalanan ke rumah anaknya di Telipot patah tangan kanan, patah sebatang gigi, cedera di kepala dan terpaksa menerima 10 jahitan.

Dalam kejadian pada pukul 7.15 pagi di Jalan Yahya Petra berhampiran Kompleks Balai Islam di Lundang, Che Rahimah telah diragut oleh dua lelaki menunggang motosikal yang telah mengekorinya.

Sebaik terjatuh dari motosikal, mangsa terus peng-

Suspek yang membonceng motosikal menumbuk mangsa sebelum menendang pula motosikal mangsa menyebabkan mangsa terjatuh dan pengsan

ASISTEN KOMISIONER AZHAM OTHMAN

san sebelum dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

Ketua Polis Kota Bharu, Asisten Komisioner Azham Othman berkata, sebelum kejadian mangsa yang menunggang motosikal berseorangan dari arah Kubang Kerian dipercayai telah di-ekori dua lelaki bermotosikal selepas suspek melihat beg tangan mangsa diletakkan dalam raga motosikal.

“Semasa suspek cuba merampas beg tangan dalam raga, mangsa cuba menarik balik beg tangannya itu.

“Geram dengan tindakan mangsa yang tidak mahu

melepaskan beg tangan itu, suspek yang membonceng motosikal itu kemudian menumbuk mangsa sebelum menendang pula motosikal mangsa menyebabkan mangsa terjatuh dan pengsan,” kata beliau ketika ditemui pemberita semasa melawat mangsa di HRPZ II petang semalam.

Menurut beliau, mangsa hanya sedar daripada pengsan ketika berada di hospital dan akibat kejadian itu dia patah tangan kanan, cedera di kepala, patah sebatang gigi serta menerima dua jahitan di mulut, lima jahitan di kening dan tiga jahitan di kepala.



AZHAM (kiri) bertanya sesuatu kepada Rahimah yang cedera parah selepas diragut di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu semalam.

Mangsa kehilangan RM83 dan dokumen-dokumen penting yang disimpan dalam beg tangan itu.

Sehingga semalam belum ada tangkapan. Keadaan lebih sukar apabila mangsa tidak ingat nombor motosikal dinaiki dua lelaki itu.

Sehubungan itu, Azham meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian itu supaya menghubungi mana-mana balai polis berdekatan bagi membantu menyelesaikan kes ragut itu.

Sementara itu, suami

mangsa, Johar Abdullah, 45, ketika ditemui di HRPZ II berkata, memang menjadi rutin harian isterinya sejak seminggu lalu akan melawat anak sulung dan cucunya itu di Telipot sebelum dia ke tempat kerja yang tidak jauh dari rumah anaknya itu.